

PERATURAN PERMAINAN CATUR

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Peraturan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE) dan Peraturan Am SUKIPT 2022.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2022.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara / Kategori yang dipertandingkan

- 2.1.1 Kategori Individu Lelaki
- 2.1.2 Kategori Individu Wanita
- 2.1.3 Kategori Berpasukan Lelaki
- 2.1.4 Kategori Berpasukan Wanita

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Kategori Individu Lelaki

Setiap institusi boleh menghantar maksimum 6 orang pemain bagi Kategori Individu Lelaki.

2.2.2 Kategori Individu Wanita

Setiap institusi boleh menghantar maksimum 6 orang pemain bagi Kategori Individu Wanita.

2.2.3 Kategori Berpasukan Lelaki

Setiap pasukan mestilah terdiri daripada 6 orang pemain yang telah didaftarkan untuk Kategori Individu Lelaki.

2.2.4 Kategori Berpasukan Wanita

Setiap pasukan mestilah terdiri daripada 6 orang pemain yang telah didaftarkan untuk Kategori Individu Wanita.

2.2.5 Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu & Berpasukan	6	6	4	16

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Pertandingan dijalankan secara Sistem Swiss. Pairing System, 7 pusingan atau 9 pusingan atau 11 pusingan. Jumlah pusingan adalah mengikut jumlah penyertaan yang diterima oleh pengelola.

2.3.2 Dalam 2 pusingan terakhir, mana-mana pemain yang memiliki mata melebihi 50% dalam pusingan tersebut tidak boleh berlawanan dengan pemain dari pasukan yang sama.

2.3.3 Cara Memutuskan Keputusan Perlawanan

2.3.3.1 Mata kemenangan akan diberikan seperti berikut :

Menang	-	1 mata
Seri	-	½ mata
Kalah	-	0 mata

2.3.4 Sekiranya terdapat pemain yang berkongsi mata yang sama selepas pusingan terakhir, sistem pemutus seri (tie-break) berikut akan digunakan:

2.3.4.1 Direct Encounter (Where Applicable)

2.3.4.2 Buchholz

2.3.4.3 Buchholz-1

2.3.4.4 Sonnerborn – Berger

2.3.5 Bagi acara berpasukan , **Hanya markah dari 4 pemain terbaik dari Setiap pasukan akan dikira.**

2.3.6 Sekiranya terdapat pasukan yang berkongsi mata yang sama selepas pusingan terakhir, sistem pemutus seri (tie-break) berikut akan digunakan:

2.3.6.1 Direct Encounter (Where Applicable)

2.3.6.2 Buchholz

2.3.6.3 Buchholz-1

2.3.6.4 Sonnerborn – Berger

2.3.7 Kawalan masa untuk setiap permainan akan menggunakan jam catur.

2.3.8 Tempoh masa permainan adalah 60 Minit dengan tambahan masa 30 Saat untuk setiap pergerakan bagi setiap pemain.

2.3.9 Setiap pemain dikehendaki merekod setiap pergerakan yang dilakukan.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT 2022.

3.2 Pakaian Pertandingan

3.2.1 Pemain hendaklah berpakaian kemas, tidak menjolok mata serta tidak mengganggu penglihatan pihak lawan.

3.2.2 Pemain perlu memakai kasut. Selipar tidak dibenarkan.

3.2.3 Setiap pasukan diwajibkan memakai pakaian seragam mengikut institusi masing-masing.

3.3 Peralatan Pertandingan

3.3.1 Set Catur dan Jam Catur akan disediakan oleh pihak penganjur.

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2022.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Individu Lelaki	1	1	1	1	1	1
Individu Wanita	1	1	1	1	1	1
Berpasukan Lelaki	1	4	1	4	1	4
Berpasukan Wanita	1	4	1	4	1	4
JUMLAH	4	10	4	10	4	10